

UPM TUBUH JAWATANKUASA SIASATAN

SERDANG – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menubuhkan jawatankuasa siasatan awal bagi menyiasat laporan polis oleh 15 penuntut terhadap salah laku dan salah guna kuasa seorang pensyarah yang menggunakan mereka bagi tujuan politik.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, jawatankuasa tersebut terdiri daripada tiga profesor,

seorang penasihat undang-undang dan Pejabat Pendaftar selaku sekretariat.

“Tujuan penubuhan jawatankuasa ialah untuk melihat sama ada wujud prima facie untuk tindakan selanjutnya,” katanya.

Beliau berkata, selaras dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti pindaan 2012 (Auku), universiti perlu mengekalkan keneutralan dalam kampus.